



LUMPUR

OH

LUMPUR

Oleh

Noraina Masduki

INTAN Bukit Kiara

# LUMPUR OH LUMPUR

Oleh

Noraina Masduki

**26 April 2010, 5.00 petang**

## **Senario 1: Banjir lumpur di Kampung Janda**

Suasana Kampung Janda, Nilai, Negeri Sembilan yang terletak 500 meter dari sempadan tapak pembinaan Fasa Cahaya Bandar EMAS kecoh dengan kejadian banjir lumpur yang berlaku semasa hujan turun dengan luar biasa lebatnya dari jam 2.45 hingga 4.45 petang. Orang kampung berkumpul di Kedai Makan Warisan Nogori untuk bertukar cerita dan membincangkan mengenai masalah yang dihadapi oleh sesetengah penduduk kampung akibat dari kejadian banjir lumpur tersebut. Keadaan menjadi tegang apabila penduduk kampung yang terjejas mula menunjukkan perasaan marah mereka dan menjerit-jerit untuk menyaman pihak-pihak yang bertanggungjawab....

Osman: Aku tak kira....aku nak saman orang-orang ni...marah betul aku....dapur rumah aku masuk lumpur...dalam pulak tu sampai satu kaki tingginya...perabot dapur banyak rosak...satu kerja pulak nak membasuh dapur tu nanti...(Sambil menghentak-hentak meja)

Leman: Rumah aku pun sama...habis mesin basuh dan oven bini aku tenggelam....tu siapa nak ganti....aku bukannya banyak duit pun...kesian bini aku tak dapat buat kuih bahulu untuk dijual...(Sambil berdiri dan mencekak pinggang)

Karim: Rumah aku lumpur masuk sikit je...boleh la nak dibasuh...barang tak ada yang tenggelam. Aku dah naikkan semuanya ke tingkat atas

rumah...cuma aku marah kolam ikan aku habis masuk air lumpur. Tu siapa nak bayar ganti ruginya??

Daud: Karim, bukan ke dah lama kau tak usahakan kolam ikan kau tu...nak minta ganti rugi apa pulak ni?

Karim: Memang la dah lama aku tak buat apa-apa tapi aku ada merancang nak usahakan semula kolam-kolam tu...kalau dah jadi macam ni habislah air kolam tu...dah tak bersih....penuh selut dan lumpur je nanti...buat menambah kerja aku pulak nak korek semula dan masukkan air baru...

Daud: Macam-macam la kau ni Karim...ni berapa rumah lagi yang dimasuk lumpur ni? Kalau banyak rumah yang terlibat kita kena adukan kepada Ketua Kampung...ni Ketua Kampung pun tak nampak muka...tengah tarik selimut agaknya Abang Lajim ni...

Leman: Haaa...tu nampak macam Abang Lajim tu...terkocoh-kocoh je nampaknya...

(Sambil menuding jari ke arah Lajim yang dalam perjalanan ke Kedai Makan Warisan Nogori)

(Lajim tiba di Kedai Makan Warisan Nogori dalam keadaan berpeluh-peluh dan termengah-mengah)

Lajim: Huihhhhh...ramai kat sini rupanya...aku baru pergi tengok kebun nenas aku...habis semula pokok nenas aku tenggelam dan bersalut lumpur...geram betul aku...dah la nenas-nenas tu dah mula berputik. Ingatkan dapat la merasa hasilnya nanti tapi dah jadi macam ni hancur semuanya...

Osman: (Bergegas bangun sambil berkata dengan nada tinggi) Tu la Bang Lajim....rumah saya, Leman dan Karim pun masuk lumpur dan banyak barang tenggelam...kolam ikan lama si Karim pun dah kotor airnya...ni semua sebab projek Bandar EMAS tu lah...sebelum ni hujan pernah juga turun lebat macam tadi tapi tak pernah jadi banjir lumpur macam sekarang ni...dulu masa projek tu nak dijalankan, HT Holding janji mereka akan rancang betul-betul dan akan buat langkah-langkah kawalan supaya projek tu tidak akan ganggu aktiviti penduduk kampung ni tapi lain pulak jadinya sekarang...sampai habis tenggelam semuanya...

Lajim: Aku pun agak benda ni berpunca dari projek tu...kita kena buat sesuatu mengenai perkara ni...aku nak senaraikan nama orang kampung yang terjejas dan nak adukan kepada pemaju dan Jabatan Alam Sekitar...dulu kata projek ni lulus EIA tapi sekarang mengapa jadi macam ni...ni yang aku menyampaoh dengan pemaju-pemaju besar ni...bila nak buat projek ikut sedap mereka je...aku rasa nak mengadu pada Wan Kudin ni...boleh dia laporkan dalam ‘Dedahan Sensasi’ nanti...biar pemaju buka mata sikit...

Osman, Leman, Karim dan Daud: Kami sokong !!!!

### **Senario 2: Di pejabat tapak Projek Bandar EMAS (selepas hujan berhenti)**

Di Pejabat Tapak Projek Bandar EMAS (**Lampiran A**), Nilai, Negeri Sembilan, Gulam pembantu kepada Ir. Rashid, Pengurus Projek Bandar EMAS memaklumkan kepada Ir. Rashid tentang permasalahan yang telah berlaku di tapak pembinaan Fasa Cahaya Bandar EMAS.

Gulam: Tuan Rashid, pekerja Indon kat tapak Fasa Cahaya *call*, dia kata masa hujan lebat tadi, air dari kolam mendapan melimpah keluar...air lumpur deras turun ke bawah macam air terjun...ke Sungai Kecil...

Ir. Rashid: Alamak...parah tu...teruk sangat ker?

Gulam: Teruk jugak...si Karimon kata tapak projek dah jadi macam sawah...saya nak pergi tengok ni...

Ir. Rashid: Kalau macam tu saya nak pergi tengok sekali dengan awak...

(Gulam dan Ir. Rashid terus bergegas keluar dari pejabat untuk ke tapak pembinaan Fasa Cahaya bagi meninjau keadaan di sana)

**27 April 2011, 8.00 pagi**

**Senario 3: Kekecohan di Pejabat Tapak Bandar EMAS**

Di Pejabat Tapak Projek Bandar EMAS, kekecohan berlaku di ruang penyambut tetamu,

Lajim: Mana pengurus projek Bandar EMAS ni????? Aku nak jumpa!!!!  
(Sambil menghentak penumbuk ke kaunter penyambut tetamu)

Liza: Sabar encik....saya mohon encik duduk dulu...saya dah panggil Encik Rashid, Pengurus Projek ni untuk berjumpa dengan encik...

Lajim: Huh...cepat sikit....aku tengah hangat ni!!!!

5 minit kemudian Ir. Rashid keluar dari pejabatnya,

Ir. Rashid: Assalamu'laikum. Saya Rashid, Pengurus Projek Bandar EMAS ni...

Sebelum Ir. Rashid menghabiskan ayatnya Lajim telah memotong dengan nada yang kasar...

Lajim: Hahhh...kau la orang yang aku nak jumpa...aku Lajim, Ketua Kampung Janda...ni siapa yang nak bayar ganti rugi penduduk Kampung Janda ni????

Ir. Rashid: Ganti rugi untuk apa encik? Saya tak faham...

Lajim: (Dengan nada suara yang makin meninggi) Lumpur dah masuk dalam rumah dan kolam ikan kami...habis banyak harta benda yang rosak...lumpur tu semua datang dari tapak projek Bandar EMAS ni lah...kami nak tuntut ganti rugi...

Ir. Rashid: Bawa banyak bersabar Encik Lajim...macam ni lah Encik Lajim...mari kita masuk ke dalam bilik saya untuk berbincang. Encik Lajim boleh beritahu saya masalah yang dialami penduduk kampung dan kita bincang jalan penyelesaiannya...

Lajim: Baguslah tu...aku pun dah senaraikan kerugian yang penduduk kampung nak tuntut dari pemaju Bandar EMAS ni...kalau tak nak bayar, kami nak adukan ke Wan Kudin dari TV11...biar dia siarkan dalam 'Dedahan Sensasi. (**Lampiran B**)

Ir. Rashid: Baiklah...mari kita duduk dan bincang dulu...

Lajim mengikut Ir. Rashid memasuki biliknya untuk mengadakan perbincangan yang mengambil masa selama 1 jam.

Selepas habis perbincangan, Lajim keluar dari bilik Ir. Rashid sambil merungut-rungut dan meninggalkan Pejabat Tapak Bandar EMAS untuk pulang ke kampungnya.

#### **Senario 4: ‘Dedahan Sensasi’**

**27 April 2010, 9.00 malam**

Sukaimi merupakan seorang Pegawai Penguatkuasa Alam Sekitar, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar Negeri Sembilan (JPASNS) sedang menonton televisyen apabila rancangan ‘Dedahan Sensasi’ menyiaran tentang kejadian banjir lumpur yang dialami oleh penduduk Kampung Janda. Wan Kudin pengacara rancangan tersebut telah terang-terangan mengutuk pihak pemaju Bandar EMAS atas permasalahan banjir lumpur yang berlaku dan begitu juga mempersoalkan tentang tahap pemantauan yang dijalankan oleh Jabatan Pengurusan Alam Sekitar ke atas tapak pembinaan Fasa Cahaya, Bandar EMAS.

Sebaik sahaja liputan tersebut berakhir, Sukaimi mengangkat telefon untuk menghubungi Ir. Rashid untuk bertanya mengenai perkara tersebut. Pada akhir perbualan mereka, Sukaimi telah memaklumkan kepada Ir. Rashid bahawa beliau dan beberapa kakitangan dari JPASNS akan meninjau ke tapak pembinaan Fasa Cahaya pada keesokan hari untuk melihat status keadaan semasa. Ir. Rashid telah bersetuju untuk menunggu rombongan dari JPASNS di tapak pembinaan Fasa Cahaya pada jam 8.00 pagi.

#### **Senario 5: Lawatan Tapak oleh JPASNS ke Fasa Cahaya, Bandar EMAS**

**28 April 2010, 8.00 pagi**

Di tapak pembinaan Fasa Cahaya, Sukaimi dan 2 orang Penolong Pegawai Penguatkuasa Alam Sekitar JPASNS meninjau-ninjau keadaan persekitaran Fasa Cahaya terutamanya di kawasan kolam mendapan, saluran sementara dan perangkap kelodak.

Sukaimi: Macam mana ni Encik Rashid...teruk tempat ni saya tengok...kolam mendapan penuh dengan lumpur ni...tak *maintain* ker? Cetek jer saya tengok saluran sementara ni...mana *check dam*? Saya tak nampak pun...padan la air turun banyak ke bawah....

Ir. Rashid: Tu la Encik Sukaimi, hujan 2 hari lepas tu lebat sangat...kami pun tak sangka...sekarang ni kami tak sempat lagi korek semula kolam ni lepas hujan lebat tu...

Sukaimi: Tak boleh lah macam tu....dalam EMP\*\* dah *stated* akan ada *well maintained temporary channel*...ni *silt fence* pun tak ada....mana tak air lumpur semua masuk ke anak sungai kat bawah tu...rumput kat tepi cerun kat bawah tu pun macam hidup segan mati tak mau je...ada banyak rumput yang mati kekeringan...dan saya tengok banyak hakisan dah di cerun tu...tak rujuk kepada senarai semak pelan kawalan hakisan dan kelodak / ESCP ke (**Lampiran E dan Lampiran F**)? Kan semua langkah kawalan dan tebatan perlu diambil kira dalam proses kerja semasa fasa pembinaan... ni saya boleh ambil tindakan ni...

(\*\*EMP – *Environmental Management Plan* (Pelan Pengurusan Alam Sekitar)

Ir. Rashid: Tolonglah Encik Sukaimi, mati saya kalau kena denda...apa saya nak jawab dengan bos saya nanti...pagi ni bos dah bising sebab cerita banjir lumpur ni dah masuk TV...saya mohon jasa baik Encik Sukaimi untuk bantu saya dalam perkara ini.

Sukaimi: Saya pun ada masalah besar jugak...JPASNS pun dah dipersalahkan atas kegagalan memantau aktiviti tapak projek ni dan nak kena menjawab ke Pengarah saya sekejap lagi...macam ni lah...kita bincang tentang perkara ni di pejabat JPASNS pukul 9.30 nanti untuk cari penyelesaian. Panggil pihak perunding EIA bagi projek ini untuk duduk sekali bersama

kita...kita kena ubah beberapa *design* dan tambah beberapa langkah mitigasi untuk elakkan perkara ini dari berlaku lagi...

Ir. Rashid: Terima kasih Encik Sukaimi. InsyaAllah jam 9.30 nanti saya dan perunding EIA akan berjumpa tuan di pejabat.

### **Senario 6: Dilema Sukaimi**

Sukaimi bergegas pulang ke pejabat selepas lawatan singkatnya ke tapak pembinaan Fasa Cahaya kerana beliau juga perlu menyediakan laporan terperinci mengenai perkara tersebut kepada Pengarah JPASNS pada jam 4.30 petang nanti. Pengarah JPASNS telah mengarahkan beliau untuk membantu Ir. Rashid dan perunding EIA untuk mengatasi masalah ini dalam masa yang singkat. Beliau juga berharap hasil perbincangan nanti dapat membantu beliau untuk menyediakan laporan yang diperlukan.

## BANDAR EMAS

Bandar EMAS merupakan satu kawasan perbandaran baru yang mempunyai keluasan 5,116 ekar yang terletak berdekatan dengan Lapangan Terbang Antarabangsa KLIA dan LCCT. Ia merupakan satu kawasan pembangunan bercampur yang dibangunkan dengan kerjasama HT Holding (anak syarikat GLC yang terkenal di Malaysia) dan Kerajaan Negeri Sembilan. Ia menawarkan rangkaian industri, kawasan perumahan dan institusi yang disokong oleh infrastruktur dan kemudahan awam kelas pertama. Pada masa kini, Bandar EMAS telah berjaya menarik pelaburan bernilai lebih dari RM1 bilion dari agensi-agensi kerajaan dan organisasi-organisasi swasta yang berminat untuk membangunkan institusi-institusi pengajian tinggi dan penyelidikan dan juga pusat-pusat latihan. Bagi pembangunan kawasan penempatan, Bandar EMAS telah melalui 4 fasa pembangunan dengan lebih dari 2000 rumah telah dibeli dan didiami oleh pembeli. Bandar EMAS dijangka akan siap sepenuhnya menjelang tahun 2025 dengan Nilai Pembangunan Kasar (NPK) hampir RM9.2 bilion. Bandar EMAS terletak dibawah kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Nilai (MPN). Jenis guna tanah asal Bandar EMAS adalah ladang kelapa sawit, belukar dan hutan sekunder.

### Fasa Cahaya

Fasa Cahaya merupakan salah satu dari fasa perumahan yang masih dalam proses pembinaan. Keluasan tapak pembinaan Fasa Cahaya adalah 12 ekar dan akan dibangunkan secara 4 peringkat. Jenis rumah yang akan dibina di Fasa Cahaya adalah rumah teres setingkat bagi Peringkat 1 sahaja dan selebihnya adalah rumah teres 2 tingkat di Peringkat 2 hingga Peringkat 4. Sebanyak 80% dari kawasan tapak projek Fasa Cahaya telah dibersihkan dari vegetasi asal iaitu ladang kelapa sawit dan belukar. Manakala 20% lagi kawasan masih lagi dikekalkan sebagai zon penampang iaitu kawasan dari sempadan tapak projek sehingga ke tebing Sungai Kecil. Pada April 2010, Peringkat 1 fasa tersebut telah 60% siap dibina manakala Peringkat 2 masih lagi dalam peringkat awal pembinaan.


Sumber: HT Holding

**SENARAI KERUGIAN YANG DIALAMI OLEH PENDUDUK KAMPUNG JANDA**

	<u>Nama</u>	<u>Jenis Kerosakan</u>	<u>Tuntutan Ganti Rugi (RM)</u>
1.	En. Osman bin Jailani	Perabot dapur dan dinding rumah	1,000.00
2.	En. Sulaiman bin Majid	Perabot dapur, mesin basuh dan oven	3,500.00
3.	En. Karim bin Dollah	2 buah kolam ikan	2,000.00
4.	En. Lajim bin Nurdin	Sebuah kebun nenas yang mempunyai 500 pokok nenas yang sedang berputik	10,000.00
		<b>JUMLAH</b>	<b>RM16,500.00</b>

Sumber: HT Holding

LAKARAN YANG MENUNJUKKAN KEDUDUKAN TAPAK PEMBINAAN FASA CAHAYA DAN KAWASAN KAMPUNG JANDA YANG TERLIBAT (TIDAK MENGIKUT SKALA)



Sumber: HT Holding

**PETIKAN SYARAT-SYARAT KELULUSAN EIA BAGI PROJEK PEMBANGUNAN  
BANDAR EMAS YANG BERKAITAN DENGAN MASALAH YANG BERLAKU DI  
TAPAK PEMBINAAN FASA CAHAYA**

1. Pihak pemaju perlu menyediakan langkah-langkah tebatan bagi tujuan kawalan hakisan dan kelodak di tapak pembinaan mengikut spesifikasi yang ditetapkan di bawah Pelan Kawalan Hakisan dan Kelodak (*Erosion and Sedimentation Plan (ESCP)*) yang ditetapkan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) (Rujuk Senarai Semak Pelan Kawalan Hakisan dan Kelodak).
2. Pihak pemaju perlu mengekalkan 20% dari kawasan pembangunan dengan vegetasi sedia ada sebagai zon penampang terutamanya kawasan yang berdekatan dengan reseptor sensitif.
3. Memastikan kerja-kerja pembangunan yang dijalankan tidak mengganggu ketenteraman kawasan sekitar bagi mengelakkan aduan dari penduduk kawasan sekitar.

Sumber: HT Holding

**SENARAI SEMAK PELAN KAWALAN HAKISAN DAN KELODAK**  
**(EROSION AND SEDIMENT CONTROL PLAN)**

Sila tandakan (/) dalam kotak berkaitan:

Perkara	Ada	Tiada	Alasan
<b><u>Planning Consideration:</u></b> Contour Plan Topsoil Stockpile Area Scheduling (Development in phase) Preservation of Existing Vegetation			
<b><u>Vegetative Stabilisation:</u></b> Seeding and Planting			
<b><u>Physical Stabilisation:</u></b> Geotextile and Mats Dust Control Temporary Waterway Crossing Pond Stabilisation Access Stabilisation Wash Trough			
<b><u>Diversion of Runoff:</u></b> Earth Bank Diversion Channel Slope Drain			
<b><u>Flow Velocity Reduction:</u></b> Drainage Outlet Protection Check Dam			
<b><u>Sediment Trapping/Filtering:</u></b> Sediment Fence Sand Bag Barrier Brush or Rock Filter Drainage Inlet Protection Sediment Traps Sediment Basins			

Sumber: HT Holding

**CONTOH LANGKAH-LANGKAH MITIGASI BAGI PELAN KAWALAN HAKISAN DAN KELODAK (*EROSION CONTROL AND SEDIMENT CONTROL PLAN*)**



'Check-dam'



'Silt Fence'



Perangkap Kelodak



Kolam Mendapan



Kawalan Cerun – Penanaman Rumput